



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LESEN PERUBAHAN SEMENTARA UNTUK PERAYAAN TAHUN BARU CINA TAHUN 2023

1. Dalam usaha memastikan perkhidmatan bas ekspres mencukupi, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) membuka permohonan Lesen Perubahan Sementara (LPS) sempena perayaan Tahun Baru Cina yang bakal diraikan pada 22 dan 23 Januari 2023.
2. **Permohonan dibuka kepada semua pengendali bas yang layak bermula 5 hingga 17 Januari 2023.**
3. Permohonan boleh dikemukakan di semua Pejabat Wilayah dan kaunter APAD di Semenanjung Malaysia.
4. **Tempoh sah laku LPS bagi semua permohonan yang diluluskan ialah dari 19 hingga 29 Januari 2023.**
5. Sehubungan itu, pihak APAD mempelawa semua pengendali yang berminat untuk membuat permohonan. Pihak APAD sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik pada setiap masa dan sokongan berterusan semua pihak amatlah diharapkan.

TAMAT

**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)
5 JANUARI 2023**